



**BEBERAPA** penduduk yang mengikuti program khidmat UCE mempelajari kemahiran mengenai pendawaian elektrik di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

# Mahasiswa UCE dekati masyarakat

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT 2 Dis.** - Program khidmat masyarakat University-Community Engagement (UCE) yang dianjurkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini memberi peluang kepada penuntutnya mendekati masyarakat selain berkongsi kemahiran dan ilmu yang dipelajari.

Unit Perhubungan Awam UTHM dalam satu kenyataan memaklumkan, program yang dianjurkan Pusat Kokurikulum itu diadakan minggu lalu dengan pembabitiran kira-kira 100 penduduk Taman Cendana, Pasir Gudang.

“Seramai 38 mahasiswa terlibat dalam program yang menawar-

*Utusan 3/12/2014 m/s: 26*

kan dua kursus kemahiran iaitu Pendawaian Elektrik dan Binaan Bangunan. Kursus tersebut adalah antara yang ditawarkan dalam program yang dilancarkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada Mei lalu.

“Penganjuran ini bertujuan melahirkkan masyarakat yang berkemahiran dan membolehkan mereka meningkatkan lagi kualiti kehidupan masing-masing,” demikian menurut kenyataan tersebut di sini baru-baru ini.

Program UCE dilaksanakan bagi mencapai matlamat projek rakan komuniti yang diletakkan dalam aktiviti kokurikulum berkredit kepada mahasiswa.

Menurut kenyataan itu, peserta kursus yang dilatih dan dinilai

dalam kemahiran asas itu juga akan dianugerahkan sijil kemahiran oleh Kolej Komuniti Batu Pahat.

“Program ini diharap dapat membantu penduduk tersebut untuk lebih bersedia dalam menjadikan Taman Cendana sebagai taman contoh yang dijangka mendapat pensijilan ISO 9001:2008 menjelang 2016,” katanya.